A

Pendakwa Raya lwn Mohammad Awari bin Ahmad

B

MAHKAMAH TINGGI (KOTA BHARU) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45B-19–10 TAHUN 2016
AHMAD BACHE H
30 APRIL 2018

C

Keterangan — Akuan nazak — Kebolehterimaan — Sama ada akuan nazak boleh diterima sebagai keterangan — Sama ada perlu disokong dengan keterangan lain

D

Keterangan — Saksi — Saksi kanak-kanak — Sama ada saksi kanak adalah saksi yang kredibel — Sama ada keterangan saksi kanak-kanak boleh diterima

E

Undang-Undang Jenayah — Kesalahan — Bunuh — Tertuduh dituduh dengan tuduhan membunuh yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan — Sama ada tertuduh mempunyai niat untuk membunuh si mati — Sama ada kematian telah berlaku — Sama ada kecederaan serius si mati akan menyebabkan kematian — Sama ada kecederaan diakibatkan oleh tertuduh — Sama ada pendakwaan membuktikan kes melampaui keraguan munasabah terhadap pertuduhan — Kanun Keseksaan ss 300 & 302

F

Undang-Undang Jenayah — Kesalahan — Rogol — Sama ada tertuduh merogol si mati — Sama ada tindakan merogol menyumbang kepada kematian si mati — Kanun Keseksaan s 376

G

Pada 1 Mac 2015, jam lebih kurang 2 pagi, Mohd Azrul Ishak iaitu suami si mati ('SP19') semasa dalam perjalanan balik ke rumah dari tempat kerjanya telah ternampak si mati terbaring di atas jalan tar diselubungi selimut tanpa pakaian. SP19 mendapati leher si mati dalam keadaan terkelar. Satu laporan polis telah dibuat oleh SP19 pada 2.50 pagi pada hari yang sama. Si mati telah meninggal dunia pada pagi hari tersebut pada jam 6.40 pagi di Hospital Gua Musang. Sebelum si mati meninggal dunia, dengan bantuan SP13 iaitu seorang jururawat, si mati sempat menulis satu nota berbunyi 'Anak Abe Mat Tanah Putih Yang Rogol dan Kelar Samun Duit'. Dengan laporan polis yang dibuat dan juga berdasarkan nota yang ditulis si mati, pegawai penyiasat telah berjaya mengesan tertuduh di rumahnya di rumah tanpa nombor PPRT Lama, Tanah Putih, Gua Musang dan menangkap tertuduh. Keterangan menunjukkan bahawa selepas kejadian tertuduh telah memabukkan dirinya dengan meminum bir sebanyak tujuh botol di Restoran GM Sakura sehingga

H

I

A muntah-muntah dan tidak sedarkan diri dan perlu dipapah oleh ibu bapa tertuduh yang datang mencari tertuduh. Siasatan juga menunjukkan seorang saksi mata iaitu anak si mati ('SP22') yang berumur lima tahun telah melihat bagaimana tertuduh mengelar leher si mati semasa hari kejadian. SP22 telah mengecam tertuduh dengan positif pada satu kawad cam yang telah diadakan.
B Tertuduh dituduh atas dua kesalahan iaitu membunuh si mati yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('Kanun') dan kesalahan kedua iaitu merogol si mati di bawah s 376 Kanun. Tertuduh menafikan tertuduh mempunyai niat untuk membunuh si mati sebaliknya hanya ingin menyamun
C dan merogol si mati. Tertuduh juga mengatakan sebelum kejadian, tertuduh berada dalam keadaan mabuk.

Diputuskan, mensabitkan tertuduh dan menjatuhkan hukuman gantung sampai mati bagi kesalahan pertama dan penjara 18 tahun bagi kesalahan
D kedua:

(1) Mahkamah memutuskan bahawa walaupun SP22 semasa memberi keterangan baru berumur tujuh tahun, keterangannya harus diterima sebagai keterangan di mahkamah. Mahkamah mendapati dan berpuas hati bahawa SP22 mempunyai keupayaan untuk mengetahui
E tanggungjawab untuk memberi keterangan yang benar. Mahkamah mendapati bahawa keterangan adalah rasional dan konsisten dengan keterangan saksi-saksi lain dan tidak goyah semasa disoal balas. Keterangan SP22 adalah selamat diterima dan keterangannya disokong
F oleh keterangan saksi-saksi pendakwaan lain yang kredibel dan fakta matrik kes semasa. Selain itu, mahkamah juga mendapati bahawa saksi-saksi lain adalah kredibel kerana keterangan-keterangan mereka saling menyokong sesama mereka (lihat perenggan 60 & 62).

(2) Bagi kesalahan membunuh, inti pati pertuduhan yang perlu dibuktikan
G adalah: (a) suatu kematian telah berlaku; (b) mangsa mati akibat daripada kecederaan yang dialami; (c) kecederaan mangsa diakibatkan oleh tertuduh; dan (d) niat. Inti pati pertama telah dibuktikan oleh SP19, SP22 dan SP13. Inti pati kedua dibuktikan berdasarkan keterangan SP6
H iaitu pakar bedah siasat yang menyatakan punca atau sebab kematian adalah 'luka pendarahan yang banyak disebabkan oleh luka kelar pada leher oleh objek tajam'. Inti pati ketiga dibuktikan berdasarkan akuan nazak si mati yang menyokong keterangan SP22 bahawa tertuduhlah yang mengelar leher si mati yang merupakan sebab dan punca kematian
I si mati. Mahkamah juga mendapati tertuduh mempunyai niat untuk menyebabkan kematian mangsa berdasarkan keterangan SP6 yang menyatakan bahawa leher si mati yang dikelar oleh tertuduh merupakan 'vital organ' manusia. Tambahan pula tertuduh telah mengelar si mati sebanyak dua kali dan ia mengenai tepat ke bahagian yang membawa oksigen ke bahagian kepala. Berdasarkan dapatan-dapatan di atas, kes

prima facie telah dibuktikan bagi pertuduhan pertama (lihat perenggan 18, 22–23, 34, 48 & 66).

(3) Mahkamah berpuas hati bahawa mangsa yang terlibat adalah si mati dan wujudnya 'penile penetration' di mana zakar tertuduh telah memasuki kemaluan si mati. Keterangan tersebut disahkan melalui keterangan DNA di mana sperma tertuduh disahkan berada di dalam kemaluan si mati. Mahkamah juga berpendapat bahawa tindakan tertuduh merogol si mati secara agresif dan ganas telah menyumbang kepada kematian si mati. Oleh itu, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh bagi pertuduhan kedua (lihat perenggan 64 & 65).

(4) Mahkamah berpendapat bahawa tertuduh telah melakukan kecederaan terhadap si mati secara sengaja dengan niat untuk membunuh. Kecederaan yang dilakukan adalah 'deliberate' dan disasarkan terhadap leher si mati di bahagian urat dan nadi sekaligus menunjukkan bahawa di dalam keadaan biasa kecederaan serius ini akan menyebabkan kematian. Ini dengan sendirinya memenuhi kehendak s 300(c) Kanun. Malahan, s 300(a) dan (b) Kanun juga terpakai (lihat perenggan 70).

(5) Mahkamah memutuskan bahawa tertuduh tidak berada dalam keadaan mabuk tetapi sedar sepenuhnya sebelum kejadian memandangkan fakta ini diakui tertuduh. Jikapun tertuduh meminum dua botol arak sebelum kejadian, mahkamah yakin bahawa ini tidak akan memabukkan tertuduh. Ini adalah keranan tertuduh mengakui tertuduh adalah peminum tegar dan berpengalaman memandangkan tertuduh mula meminum arak sejak pada bangku sekolah pada usia 15 tahun. Di akhir kes pembelaan, di atas penilaian maksima, mahkamah mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah bagi kedua–dua pertuduhan terhadap tertuduh. Tertuduh telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan (lihat perenggan 80–81 & 87).

[English summary

On 1 March 2015, on about 2am, on the way to go home, Mohd Azrul Ishak ('PW19') the husband of the deceased saw the deceased on the road naked without clothes and covered with blanket. PW19 found that the neck of the deceased had been stabbed. A police report was made by PW19 at 2.50am on the same day. The deceased died at 6.40am on that day in Hospital Gua Musang. Before the deceased died, the deceased wrote a dying declaration with the help of a nurse ('PW13') stating 'Anak Abe Mat Tanah Putih Yang Rogol dan Kelar Samun Duit'. Based on the police report made and the dying declaration of the deceased, the investigation officer successfully traced and arrested the accused at an unnumbered house at PPRT Lama, Tanah Putih, Gua Musang. The evidence showed that the accused had intoxicated himself by

drinking seven bottles of beer at Restoran GM Sakura. The accused fainted and was carried by his family as he was unable to walk by himself. The investigation found that there was an eyewitness, the deceased's daughter ('PW22') who saw the accused stab the deceased in her neck. PW22 had identified the accused during the identification parade. The accused then was charged with two offences, the first offence was murder punishable under s 302 of the Penal Code ('the Code') and the second offence was rape punishable under s 376 of the Code. The accused denied that the accused had intention to kill the deceased as the accused only intended to rob and rape the deceased. The accused also stated that the accused was in a state of intoxication before the incident.

Held, convicting the accused and sentencing the accused to death for the first offence and 18 years of imprisonment for second offence:

(1) The court decided that even though PW22 was 17 years of age when she gave her statement, the statements shall be accepted in court. The court was satisfied that PW22 had the capability of understanding the responsibility to give true statements. The court found that the statements given by PW22 were rational and consistent with the statements given by other witnesses. PW22's statements were safely accepted by the court and were supported by the statements of other prosecution witnesses which were credible and based on the matrix factual of the present case. Besides that, the court also found that the other witnesses were credible as their statements were supportive of each other (see paras 60 & 62).

(2) For the offence of murder, the essential elements needed to be established were: (a) there was a death; (b) the deceased died due to the injuries suffered; (c) the injuries were caused by the accused; and (d) intention. The first element was fulfilled by the statements of PW19, PW22 and PW13. The second element was fulfilled based on the statement given by PW6, a post-mortem expert who gave the statement that the death of the deceased was caused by '*luka pendarahan yang banyak disebabkan oleh luka kelar pada leher oleh objek tajam*'. The third element was fulfilled based on the dying declaration of the deceased which was consistent with the statements of PW22 who stated that the accused had killed the deceased. The court also found that the accused had intention to cause death based on the statement given by PW6 who said that the accused had stabbed the deceased in her neck which was the vital organ of the human body. Furthermore, the accused stabbed the deceased twice where oxygen is supplied to the brain. Based on the above findings, a prima facie case was established for the first offence (see paras 18, 22–23, 34, 48 & 66).

(3) The court was satisfied that the victim was the deceased and there was penile penetration where the penis of the accused had entered into the

private part of the deceased. It was proved by the DNA evidence that the sperm of the accused was in the private part of the deceased. The court also found that the accused had raped the deceased aggressively and cruelly which led to the death of the deceased. Therefore, the prosecution had successfully established a prima facie case against the accused for the second offence (see paras 64–65).

(4) The court found that the accused had voluntarily caused the injuries on the deceased with the intention to kill the deceased. The injuries suffered was deliberate and aimed at the neck of the deceased which was in ordinary circumstances would cause the death. This was in accordance with s 300(c) of the Code. Section 300(a) and (b) also applied (see para 70).

(5) The court decided that the accused was not in a state of intoxication before the incident as this fact had been admitted by the accused himself. Even though the accused had drunk two bottles of wine before the incident, the court was convinced that it would not cause the accused to be intoxicated. The accused had admitted that he was a habitual alcoholic as he started to drink at the age of 15. At the end of the defence case, based on the maximum evaluation, the court found that the prosecution had successfully proven the case beyond reasonable doubt for the two offences against the accused. The accused failed to raise any reasonable doubt to the prosecution case (see paras 80–81 & 87).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai bunuh, lihat 4(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2018 Reissue) perenggan 2079–2096.
Untuk kes-kes mengenai kebolehterimaan akuan nazak, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 1742–1755.
Untuk kes-kes mengenai rogol, lihat 4(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2018 Reissue) perenggan 2122–2127.
Untuk kes-kes mengenai saksi kanak-kanak, lihat 7(2)*Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 3403–3419.

Kes-kes yang dirujuk

Chan Pean Leon v PP [1956] 1 MLJ 237 (dirujuk)
Duis Akim & Ors v PP [2014] 1 MLJ 49, MP (dirujuk)
Francis a/l Anthonysamy v PP [2003] 2 MLJ 49, MR (dirujuk)
Pendakwa Raya v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, MP (dirujuk)
PP v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3) [1999] 2 MLJ 1, MT (dirujuk)
PP v Sanin bin Othman [2011] 5 MLJ 716, MR (dirujuk)
Ray bin Solis v PP [2015] 2 MLJ 815; [2015] 3 CLJ 2015, MR (dirujuk)
Sainal Abidin bin Mading v PP [1999] 4 MLJ 497, MR (dirujuk)

A *Seraman @ Jayaraman a/l A Adipan v PP* [2009] 3 MLJ 64; [2009] 5 CLJ 123, MP (dirujuk)
Tham Kai Yau & Ors v PP [1977] 1 MLJ 174, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

B Akta Keterangan 1950 ss 32(1)(i), 133A
Kanun Keseksaan ss 300(a), (b), (c), 302, 376(4)
Kanun Tatacara Jenayah s 180(1)

Shaharaliza bt Ab Razak (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat
C *Undang-Undang Negeri Kelantan) bagi pihak pendakwa raya.*
Latifah Ariffin (Latifah Ariffin & Co) bagi pihak tertuduh.

Ahmad Bache H:

D LATAR BELAKANG

[1] Tertuduh telah dituduh dengan dua pertuduhan. Pertuduhan pertama adalah kesalahan membunuh si mati dan kesalahan kedua adalah merogol si mati.

E

[2] Di akhir perbicaraan tertuduh telah didapati bersalah ke atas kedua-dua pertuduhan, disabitkan dan dihukum gantung sampai mati untuk pertuduhan membunuh dan penjara selama 18 tahun dan 12 sebatan untuk pertuduhan merogol. Hukuman berjalan mulai dari tarikh tangkap.

F

[3] Tidak berpuashati dengan keputusan tersebut, tertuduh telah menfailkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan.

[4] Ini merupakan alasan kepada keputusan tersebut.

G

PERTUDUHAN

Pertuduhan pertama

H Bahawa kamu pada 01.03.2015 di antara jam lebih kurang 12.30 malam hingga jam 2.00 pagi, di dalam sebuah rumah tanpa nombor, Kampung Batu papan, dalam Daerah Gua Musang di dalam Negeri Kelantan, telah membunuh YASHMIN BINTI FAUZI (KP. 890318-03-5420) dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

I Hukuman:

Sesiapa yang didapati bersalah di bawah s 302 Kanun Keseksaan hendaklah dihukum mati.

Pertuduhan kedua

Bahawa kamu pada 01.03.2015 di antara jam lebih kurang 12.20 malam sehingga jam 2.00 pagi, di dalam sebuah rumah tanpa nombor, Kampong Batu Papan, dalam Daerah Gua Musang di dalam Negeri Kelantan, telah melakukan rogol terhadap YASHMIN BINTI FAUZI (KP. 890318-03-5420) sehingga menyebabkan kematiannya dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 376(4) Kanun Keseksaan.

Hukuman:

Sesiapa yang didapati bersalah di bawah s 376(4) Kanun Keseksaan boleh dikenakan hukuman mati atau pemenjaraan selama tempoh tidak kurang dari lima belas tahun dan tidak lebih dari tiga puluh tahun dan hendaklah juga dikenakan sebat tidak kurang dari sepuluh sebatan.

FAKTA KES

[5] Pada 1 Mac 2015 jam lebih kurang 2 pagi Mohd Azrul Ishak ('SP19') (suami si mati) semasa dalam perjalanan balik ke rumah dari tempat kerjanya, dalam jarak 100 meter dari rumahnya dengan dibantu oleh lampu motosikal beliau, telah ternampak isterinya (si mati) terbaring di atas jalan tar diselubungi selimut tanpa pakaian. Beliau mendapati leher isterinya ('si mati') dalam keadaan terkelar.

[6] Dalam keadaan terkejut, SP19 telah bergegas ke rumah ayahnya dalam jarak 200 meter dari tempat si mati terbaring dan memberitahu apa yang berlaku ke atas si mati. Ayah dan keluarga suami si mati telah membawa si mati ke hospital menaiki van, sementara SP19 bergegas pulang ke rumahnya untuk melihat keadaan anak-anaknya seramai tiga orang berumur antara enam bulan sehingga lima tahun. Sesampainya SP19 di rumahnya (tempat kejadian) SP19 mendapati mereka sedang tidur di atas tilam tanpa katil yang berlumuran dengan darah.

[7] Satu laporan polis telah dibuat oleh SP19 pada pukul 2.50 pagi tersebut, No Repot Gua Musang/003294/15 yang diambil oleh SP1 ('pengadu').

[8] Si mati/mangsa telah meninggal dunia pada pagi tersebut, pada jam 6.40 pagi di Hospital Gua Musang. Sebelum si mati meninggal dunia, si mati sempat menulis satu nota berbunyi:

Anak Abe Mat Tanah Putih Yang Rogol Dan Kelar Samun Duit.

Si mati menulis nota tersebut dengan dibantu oleh seorang jururawat, Juniwartini bt Arsat ('SP13') ketika sedang merawatnya di Wad Kecemasan, Hospital Gua Musang.

[9] Dengan laporan polis yang dibuat oleh SP19 dan juga berdasarkan nota yang ditulis si mati, pegawai penyiasat, SP24 telah berjaya mengesan tertuduh di rumahnya di rumah tanpa nombor PPRT Lama, Tanah Putih, Gua Musang dan menangkap tertuduh.

[10] SP24 turut merampas dari rumah tertuduh pakaian tertuduh dan jam tangan yang terdapat kesan darah. Turut dirampas adalah satu sim kad Xpax Prepaid No Siri: 896019121293673609032-HSUS.

[11] Keterangan menunjukkan di tempat kejadian pula pihak polis telah menjumpai beberapa barang, antara lain, seperti berikut:

(a) sebilah parang berukuran 0.44 meter;

(b) beg tangan wanita;

(c) dompet;

(d) kesan darah;

(e) cadar;

(f) sarung bantal; dan

(g) seluar dalam warna merah jambu.

[12] Keterangan juga menunjukkan pihak polis telah mendapati dompet si mati adalah kosong. SP19 menyatakan sebelum keluar rumah pada malam kejadian untuk menjalankan tugas, si mati mempunyai wang sebanyak RM200 di dalam dompet tersebut.

[13] Keterangan juga menunjukkan bahawa selepas kejadian, tertuduh telah memabukkan dirinya dengan meminum bir sebanyak tujuh botol di Restoran 'GM Sakura' sehingga muntah-muntah dan tidak sedarkan diri dan perlu dipapah oleh ibu bapanya (SP16 dan SP17) yang sedang datang mencari tertuduh. Telefon si mati juga dijumpai di restoran tersebut yang mana disimpan oleh How Kok San, tuanpunya restoran.

[14] Siasatan menunjukkan seorang saksi mata iaitu anak si mati yang berumur lima tahun, ('SP22') telah melihat kejadian bagaimana tertuduh mengelar leher ibunya/si mati dan apa lagi yang berlaku pada hari kejadian.

[15] Satu kawad cam telah dijalankan dan SP22 telah mengecam tertuduh dengan positif.

[16] Seterusnya tertuduh telah dituduh seperti pertuduhan.

INTI PATI-INTI PATI PERTUDUHAN

[17] Bagi kesalahan membunuh, (s 302 Kanun Keseksaan), inti pati pertuduhan yang perlu dibuktikan pendakwa raya adalah seperti berikut:

(a) bahawa suatu kematian telah berlaku;

(b) bahawa mangsa mati akibat daripada kecederaan yang dialami;

(c) bahawa kecederaan mangsa telah disebabkan oleh atau adalah hasil daripada perbuatan tertuduh;

(d) bahawa dalam menyebabkan kecederaan ke atas mangsa, tertuduh telah sama ada:

(i) dengan niat untuk menyebabkan kematian; atau

(ii) dengan niat untuk menyebabkan kecederaan badan yang mana tertuduh mengetahui boleh menyebabkan kematian; atau

(iii) dengan niat untuk menyebabkan kecederaan badan yang cukup untuk menyebabkan kematian dalam keadaan biasa (*sufficient in the ordinary course of nature to cause death*); atau

(iv) dengan pengetahuan bahawa perbuatan itu adalah amat berbahaya dan akan menyebabkan kematian atau kecederaan yang akan menyebabkan kematian.

[18] Bagi kesalahan rogol, inti pati-inti pati yang perlu dibuktikan pendakwa raya ialah:

(a) tertuduh melakukan persetubuhan (haram) terhadap si mati di mana zakar; dan

(b) tertuduh telah memasuki kemaluan mangsa/si mati (*penile penetration*).

PENGANALISAAN DAN DAPATAN MAHKAMAH

Standard pembuktian dan prima facie

[19] Standard pembuktian yang harus diguna pakai di akhir kes pendakwaan adalah 'prima facie' setelah pindaan kepada Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') pada 31 Januari 1997. Seksyen 180(1) Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan:

> When the case for the prosecution is concluded, the Court shall consider whether the prosecution has made out a prima facie case against the accused.

Di dalam kes Mahkamah Persekutuan, *Pendakwa Raya v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457 mahkamah telah memberi panduan mengenai maksud 'prima facie' seperti berikut:

A (i) at the close of the prosecution's case, subject the evidence led by the prosecution in its totality to a maximum evaluation. Carefully scrutinise the credibility of each of the prosecution's witnesses. Take into account all reasonable inferences that may be drawn from that evidence. If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is
B most favourable to the accused;

(ii) ask yourself the question: If I now call upon the accused to make his defence and he elects to remain silent am I prepared to convict him on the evidence now before me? If the answer to that question is 'Yes', then a prima facie case has been made out and the defence should be called. If the
C answer is 'No' then, a prima facie case has not been made out and the accused should be acquitted;

(iii) after the defence is called, if the accused elects to remain silent, then convict;

D (iv) after defence is called, the accused elects to give evidence, then go through the steps set out in *Mat v Public Prosecutor* [1963] 1 MLJ 263; [1963] 1 LNS 82.

[20] Di dalam erti kata lain, maksudnya ialah kekuatan keterangan itu jika
E tidak disanggah adalah memadai untuk mahkamah mempertimbangkan kewujudan fakta-fakta sepertimana di dalam pertuduhan, seperti mana diputuskan di dalam kes *Public Prosecutor v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3)* [1999] 2 MLJ 1, di mana Augustine Paul (hakim Mahkamah Tinggi ketika itu) telah menyatakan di ms 63–64 seperti berikut:
F

> A prima facie case arises when the evidence in favour of a party is sufficiently strong for the opposing party to be called on to answer. The evidence adduced must be such that it can be overthrown only by rebutting evidence by the other side. Taken in its totality, the force of the evidence must be such that if unrebutted, it is
G sufficient to include the court to believe in the existence of the facts stated in the charge or to consider its existence so probable that a prudent man ought to act upon the supposition that those facts existed or did happen. As this exercise cannot be postponed to the end of the trial, a maximum evaluation of the credibility of witnesses must be done at the close of the case for the prosecution before the court
H can rule that a prima facie case has been made out in order to call for the defence.

[21] Ini juga bermakna di akhir kes pendakwaan, di atas penilaian maksima, mahkamah perlu berpuas hati bahawa gabungan kesemua keterangan yang secara totaliti telah berjaya menghasilkan satu fakta kejadian yang cukup
I lengkap yang mana semuanya menjurus kepada kebersalahan tertuduh di dalam melakukan kesalahan membunuh dan merogol si mati. Di dalam ertikata lain, mahkamah perlu berpuas hati bahawa pendakwa raya telah berjaya membuktikan inti pati-inti pati kesalahan.

MENGENAI PERTUDUHAN PERTAMA IE MEMBUNUH

Inti pati pertama — Satu kematian telah berlaku

[22] Bagi inti pati ini ramai saksi-saksi pendakwaan telah membuktikannya khususnya SP19, Azrul bin Ishak, iaitu suami si mati, SP22, Ahmad Qashri bin Azrul, anak si mati, SP13 iaitu jururawat Juniwartini bt Arsat, jururawat yang merawat si mati di Wad Kecemasan Hospital Gua Musang.

Inti pati kedua — Mangsa mati akibat daripada kecederaan yang dialaminya

[23] Berdasarkan kepada keterangan SP6, pakar bedah siasat yang menjalankan post morterm ke atas si mati, punca atau sebab kematian adalah 'LUKA PENDARAHAN YANG BANYAK DISEBABKAN OLEH LUKA KELAR PADA LEHER OLEH OBJEK TAJAM ('SEVERE BLOOD LOSS DUE TO INCISION WOUND AT THE NECK DUE TO SHARP OBJECT').

[24] Menurut SP6, luka hiris yang terdapat pada jari sebelah kiri dan telapak tangan kiri adalah merupakan 'defence wound'. Terdapat juga luka lelas di bahagian lutut kiri dan kanan si mati. Ini adalah konsisten dengan keterangan SP19 yang menjumpai si mati terbaring di tepi jalan arah ke rumahnya.

[25] SP6 selanjutnya menyatakan bahawa pemeriksaan leher si mati mendapati terdapat dua kesan hiris di bahagian hadapan leher si mati. Saluran pernafasan (*trakea*) si mati terbelah kepada separuh di bahagian bawah kotak suara (*vocal cord*). Terdapat darah beku di dalam saluran pernafasan (*trakea*). Paru-paru kanan dan kiri terdapat tompokan darah beku (*blood clot*) di seluruh lobar terutama lobar atas kiri (*left upper lobe*). Pemeriksaan alat kelamin si mati mendapati kesan lebam (*bruises*) di tepi dinding kemaluan (*labia minor dan labia major*).

[26] SP6 juga mendapati pembuluh darah mengembang dan SP6 mencadangkan bahawa si mati mengalami kekurangan oksigen (*hypoxia*) sebelum meninggal.

Inti pati ketiga — Kecederaan mangsa diakibatkan oleh tertuduh.

[27] Elemen penting ini adalah berkaitan dengan isu 'actus reus'. Berdasarkan kepada keterangan yang ada, pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa perbuatan tertuduh yang menyebabkan kematian tersebut. Di dalam kes ini, tiada orang lain yang menyebabkan kematian mangsa melainkan tertuduh sendiri.

[28] Mahkamah mengambil maklum bahawa pihak pembelaan tidak mempertikaikan 'actus reus' tertuduh di dalam kes ini. Di dalam erti kata lain pembelaan tidak mempertikaikan bahawa tertuduh yang mengakibatkan kecederaan ini tetapi hanya mempertikaikan 'mens rea' iaitu tertuduh tidak mempunyai niat untuk membunuh si mati tetapi hanya untuk merogol dan merompak. Namun mahkamah memutuskan bahawa pihak pendakwaan masih mempunyai tanggungjawab untuk membuktikan segala inti pati pertuduhan termasuk inti pati ini yang merupakan inti pati yang paling penting. Malahan adalah menjadi tanggungjawab pendakwaan untuk membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah sehingga di akhir kes.

[29] Untuk membuktikan inti pati ini dua jenis keterangan telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan iaitu keterangan langsung/terus (*direct evidence*) dan keterangan mengikut keadaan (*circumstantial evidence*).

[30] Keterangan langsung/terus datangnya daripada keterangan anak si mati sendiri iaitu SP22 iaitu saksi mata. Walaupun beliau ketika itu hanya berumur lima tahun lebih dan ketika memberi keterangan berumur tujuh tahun, namun keterangan tersebut boleh diterima mahkamah dan juga dipercayai mahkamah kerana ianya adalah kukuh, logik, konsisten dan disokong oleh keterangan-keterangan sokongan yang berbentuk keterangan mengikut keadaan (*circumstantial evidence*) yang melimpah ruah dan juga fakta matrik kes tersebut sendiri (*factual matrix of the case*).

[31] Menurut SP22, pada waktu dan tarikh kejadian, tertuduh telah menceroboh masuk ke dalam rumah tempat kejadian. SP22 dapat melihat bagaimana ibunya dikelar lehernya oleh tertuduh. Menurut SP22 'orang jahat' ie tertuduh telah 'meletakkan pisau' di leher ibunya serta 'sembelih' si mati/ibunya. SP22 juga menyatakan bahawa beliau terlihat darah keluar dari leher ibunya (si mati). SP22 juga telah melihat bahawa tertuduh telah mengambil dompet si mati. SP22 juga melihat bahawa tertuduh mencucuk jarum pada perut ibunya/si mati. SP22 berjaya mengecam tertuduh semasa kawad cam dan semasa di dalam mahkamah ketika memberi keterangan.

[32] Nilai atau kekuatan ('weight') keterangan SP22 ini akan dibincangkan kemudian.

[33] Keterangan SP22 ini disahkan oleh satu keterangan 'substantif' iaitu satu nota ('P54') yang ditulis oleh si mati sendiri sebelum beliau meninggal dunia. Nota ini ditulis oleh si mati di hadapan jururawat, SP13 yang mana, ianya berbunyi 'Anak Abe Mat Tanah Putih Yang Rogol dan Kelar Samun Duit.'

[34] Daripada keterangan SP13, mahkamah berpuas hati bahawa semasa si

mati menulis P54 ini, si mati adalah dalam keadaan sedar. Ianya menyokong keterangan SP22 bahawa tertuduhlah yang mengelar lehernya yang merupakan sebab dan punca kematian si mati. P54 ini serta percakapan si mati kepada SP13 merupakan satu 'dying declaration' dan ianya boleh diterima masuk sebagai keterangan di bawah s 32(1)(i) Akta Keterangan 1950.

[35] Perkara ini akan dibincangkan dengan lanjut kemudian.

[36] Keterangan SP22 ini disokong lagi oleh keterangan SP6 iaitu pakar pathologi yang menjalankan bedah siasat ke atas jasad si mati. Seperti yang disentuh mahkamah beliau sebelum ini, SP6 telah menyatakan bahawa terdapat dua kesan hiris di bahagian hadapan leher si mati.

[37] Keterangan sokongan seterusnya datangnya daripada keterangan SP19 iaitu Mohd Azrul Ishak sendiri iaitu bapa kepada SP22 dan suami kepada mangsa/si mati. Menurut SP19, pada 1 Mac 2015 jam lebih kurang 2 pagi, beliau telah balik dari tempat bekerjanya dan kira-kira dalam jarak 100 meter dari rumahnya dengan bantuan lampu motorsikalnya beliau terserempak dengan isterinya (si mati) yang terbaring di atas jalan tar diselubungi selimut tetapi tanpa pakaian. SP19 juga mendapati leher si mati di dalam keadaan terkelar dan banyak darah yang keluar. SP19, walaupun terkejut dengan keadaan tersebut telah bergegas ke rumah ayahnya yang terletak 200 meter dari situ dan mengadu dan meminta bantuan. Ayah dan keluarga SP19 telah membawa si mati ke hospital, manakala SP19 bergegas ke rumahnya untuk melihat keadaan anak-anak kecilnya seramai tiga orang di rumah yang berumur antara enam bulan hingga lima tahun (termasuk SP22). SP19 mendapati mereka sedang tidur di atas tilam tanpa katil yang berlumuran dengan darah. SP19 juga mengesahkan bahawa tertuduh pernah datang ke rumahnya beberapa hari sebelum kejadian bersama bapa tertuduh iaitu SP16.

[38] Keterangan sokongan lain ialah dari SP5 yang mengesahkan 'Abe Mat Tanah Putih' yang dirujuk di dalam Nota 'dying declaration' adalah merujuk kepada SP16, Ahmad bin Hamid iaitu bapa tertuduh. SP16 sendiri telah mengesahkan tertuduh adalah anaknya dan sahkan beliau mempunyai seorang lagi anak lelaki yang bekerja dan tinggal di Kuantan pada masa kejadian dan hanya pulang ke Gua Musang sebulan selepas tertuduh ditangkap. Keterangan ini disahkan oleh SP17 Rahimah bt Esa, ibu kepada tertuduh. SP16 juga telah mengesahkan bahawa tiga hari sebelum kejadian, beliau telah pergi ke rumah si mati/SP19 bersama tertuduh. Keterangan ini adalah konsisten dengan keterangan SP19 (suami si mati). Mahkamah berpuas hati bahawa keterangan-keterangan ini menjurus kepada tertuduh sebagai 'Anak Abe Mat Tanah Putih.

[39] SP19 (suami si mati) juga telah mengecam telefon bimbit Samsung

Note II yang diperolehi dari tertuduh sebagai kepunyaan si mati sekaligus mengesahkan bahawa tertuduh telah mencuri telefon tersebut daripada si mati. SP19 juga mengesahkan bahawa beliau telah memberi si mati RM150 sebelum pergi bekerja dan si mati telah menyimpan di dalam dompet yang telah sedia ada sebanyak RM50 di dalamnya. Jumlah keseluruhannya ialah RM200. Selepas kejadian, dompet ini didapati kosong tanpa duit-duit tersebut. Dari keterangan yang ada mahkamah menyimpulkan bahawa tertuduh telah menggunakan wang RM200 tersebut untuk membeli bir di 'Restoran Selatan/GM Sakura'. SP16 juga mengesahkan parang yang digunakan untuk mengelar mangsa/si mati adalah parangnya yang terletak di dapur rumah.

[40] Keterangan forensik melalui SP11 melalui ujian DNA mengesahkan kehadiran air mani tertuduh di dalam kemaluan si mati. Keterangan ini dengan sendirinya mengesahkan kewujudan 'body contact' di antara tertuduh dengan si mati dan kehadiran tertuduh di tempat kejadian dan melakukan kecederaan-kecederaan tersebut pada hari kejadian tidak dapat dinafikan. Mahkamah akan menyentuh mengenai kejadian rogol kemudian.

[41] Berdasarkan keterangan-keterangan di atas, mahkamah berpuas hati bahawa kecederaan-kecederaan yang dialami si mati yang menyebabkan kepada kematiannya adalah disebabkan oleh tertuduh.

Elemen keempat — Niat

[42] Pihak pembelaan tidak menafikan 'actus reus' tertuduh tetapi menafikan bahawa tertuduh mempunyai niat ('mens rea') untuk melakukan pembunuhan ini. Pihak pendakwaan pula menghujahkan sebaliknya.

[43] Ke arah itu, mahkamah ingin merujuk kepada tiga jenis niat yang perlu dibuktikan pendakwaan dan pihak pendakwaan hanya perlu membuktikan salah satu daripadanya sahaja seperti berikut:

> Bahawa dalam menyebabkan kecederaan ke atas mangsa, OKT telah sama ada:
>
> (a) dengan niat untuk menyebabkan kematian; atau
>
> (b) dengan niat untuk menyebabkan kecederaan badan yang mana OKT mengetahui boleh menyebabkan kematian; atau
>
> (c) dengan niat untuk menyebabkan kecederaan badan yang cukup untuk menyebabkan kematian dalam keadaan biasa.

[44] Niat pula tidak boleh dibuktikan secara keterangan langsung (*direct evidence*) tetapi melalui inferens. Bagi kes bunuh contohnya, niat boleh dibuktikan melalui motif, jenis senjata yang digunakan, kecederaan dan di bahagian anggota mana kecederaan itu dilakukan sama ada di 'vital organ' atau

tidak, (lihat kes *Duis Akim & Ors v Public Prosecutor* [2014] 1 MLJ 49) dan beberapa kali ianya dilakukan, kelakuan (*conduct*) tertuduh dan lain-lain.

[45] Di dalam kes *Chan Pean Leon v Public Prosecutor* [1956] 1 MLJ 237, Thomson H menyatakan:

> Intention is a matter of fact which in the nature of things cannot be proved by direct evidence. It can only be proved by inference from the surrounding circumstances.

[46] Mahkamah telah meneliti secara keseluruhan keterangan pihak pendakwaan untuk memastikan sama ada tertuduh mempunyai niat untuk membunuh si mati atau hanya untuk mencederakan si mati sahaja.

[47] Mahkamah memutuskan bahawa inti pati niat ini telah berjaya dibuktikan oleh pendakwa raya berdasarkan kepada alasan-alasan seperti di para-para berikut.

[48] Keterangan menunjukkan bahawa tertuduh telah mengelar leher si mati. Dari keterangan SP6, ini merupakan 'vital organ' manusia. Tambah-tambah lagi bukan sekali tertuduh mengelar si mati tetapi dua kali dan ia mengenai tepat ke bahagian yang membawa oksigen ke bahagian kepala. SP6 juga menyatakan terdapat kesan kelar yang menunjukkan hayunan sebanyak dua kali dikenakan serta senjata adalah tajam untuk mengakibatkan bentuk hirisan luka sebegitu. Saksi pakar tersebut juga menolak kemungkinan hayunan parang itu dilakukan secara 'accidental' tetapi mengatakan ianya adalah disengajakan (*non-accidental*) kerana terdapat dua hirisan luka (*defensive wound*). Menurut SP6, jika ianya dilakukan dengan tidak sengaja, si mati tidak akan mengalami luka kali kedua. Justeru itu, mahkamah memutuskan tertuduh mempunyai niat untuk menyebabkan kematian mangsa. Jelas tindakan tertuduh ini bukan sekadar untuk merompak dan merogolnya sahaja, tetapi untuk membunuhnya.

[49] Mahkamah juga berpendapat, jika tertuduh tidak berniat untuk melakukan pembunuhan, mengapa tertuduh menggunakan parang iaitu senjata tajam dan merbahaya untuk merompak atau merogol. Mahkamah berpendapat tidak wujud keperluan menggunakan apa-apa senjata untuk melakukan jenayah rompak dan rogol di dalam situasi ini. Apatah lagi tertuduh menghayun dua kali untuk menyebabkan dua kelar kecederaan serius di leher seperti dinyatakan sebentar tadi.

[50] Niat tertuduh ini juga dapat dilihat dengan tindakan tertuduh dengan terus terang melakukan perbuatan kejam ini di hadapan anak si mati (SP22) yang terjaga dan melihat tertuduh pada masa itu. Walaupun anak si mati (SP22) melihat perbuatan tertuduh yang kejam itu ianya tidak menghalang

tertuduh dari berhenti. Ini menunjukkan bahawa tertuduh tekad dalam melakukan perbuatan yang dirancangnya dengan niat.

[51] Niat tertuduh untuk melakukan pembunuhan ini juga dapat dilihat dengan tindakan tertuduh merogol si mati dengan ganasnya, sebagaimana keterangan SP6 yang memberi diskripsi sebagai 'hubungan seks ini berlaku secara agresif yang mana menyebabkan dinding faraj (*vagina*) mengalami luka lebam'.

[52] Tindakan-tindakan dan cara-cara tertuduh ini juga menimbulkan satu tanggapan kepada mahkamah bahawa tertuduh juga mempunyai motif untuk membunuh si mati iaitu atas sebab untuk menghapuskan keterangan supaya dapat mengelak dirinya dicamkan si mati dan seterusnya ditangkap dan dituduh kerana melakukan jenayah merogol dan merompak.

[53] Mahkamah kini menyentuh mengenai isu undang-undang.

[54] Pertamanya mengenai 'dying declaration' yang berkaitan dengan nota P54:

> 'Dying declaration' ini berasal daripada 'common law' di England. Tetapi pemakaiannya di Malaysia diperluaskan lagi mengikut sek 32(1)(a) Akta Keterangan yang berbunyi:
>
> > *32. Cases in which statement of relevant fact by person who is dead or cannot be found, etc, is relevant*
> >
> > *(1) Statements, written or verbal, of relevant facts made by a person who is dead or who cannot be found, or who has become incapable of giving evidence, or whose attendance cannot be procured without an amount of delay or expense which under the circumstances of the case appears to the court unreasonable, are themselves relevant facts in the following cases:*
> >
> > > *(a) when the statement is made by a person as to the cause of his death, or as to any of the circumstances of the transaction which resulted in his death, in cases in which the cause of that person's death comes into question.*
> > >
> > > *Such a statement is relevant whether the person who made it was or was not at the time when it was made under expectation of death, and whatever may be the nature of the proceeding in which the cause of his death comes into question.*

[55] Mahkamah Rayuan di dalam kes *Ray bin Solis v Public Prosecutor* [2015] 2 MLJ 815; [2015] 3 CLJ 2015 menyatakan:

> [50] It has been accepted in our law that the scope provision is wider than the common law rule where a *'dying declaration' must relate exclusively as to the cause of the death itself.* In our law, *the statement in question may relate to the cause of his death* or as *to any of the circumstances of the transaction which resulted in this death.*

[56] Dalam membincangkan isu yang sama, Mahkamah Rayuan menegaskan bahawa apa yang penting adalah 'reliabiliti' dan 'kredibiliti' saksi yang menerima deklarasi tersebut, seperti mana dinyatakan:

> It was not shown why or on what reasonable basis PW9's testimony, relating to the dying statement made by the deceased to her, ought to have been disregarded by the trial judge. *The court had held her to be a reliable and consistent witness without any predisposed grudge or ill will against the appellant.* Therefore, the trial judge *had not misdirected himself in law or on the facts in placing reliance on the dying statement made by the deceased to PW9 which not only identified the appellant as the person who inflicted the injuries, but also the 'transaction' — the stabbing — that led to injuries that subsequently resulted in the death of the deceased.*

[57] 'Dying Declaration' juga merupakan keterangan substantif dan tidak perlu apa-apa keterangan sokongan. Mahkamah Rayuan di dalam kes *Ray bin Solis* telah menerima 'dying declaration' berkenaan di dalam kes *Ray bin Solis v Public Prosecutor* [2015] 2 MLJ 815; [2015] 3 CLJ 2015 dan memutuskan:

> [52] *It is also the law here that such a dying declaration or statement need not be corroborated by some other evidence.* The same learned commentator in *Evidence: Practice and Procedure* above cited, goes on at p 335 to state:
>
> *A dying declaration does not need corroboration.*
>
> In *R v Nembhard* [2002] All ER (D) 153 (Jan), the Privy Council rejected an argument that a dying declaration must be corroborated if it is to be relied on. In *State of Uttar Pradesh v Chet Ram & Ors* (1989) 2 SCC 425; [1990] 1 CLJ 1079 the Indian Supreme Court said that a dying declaration, needless to say, does not require any corroboration as in the case of the evidence of an accomplice or a confession. However, where the deceased who made the dying declaration is an accomplice the corroboration of his evidence is desirable and necessary (see Hill JA in *Mary Shim v Public Prosecutor* [1962] 1 MLJ 132; [1962] 1 LNS 97 at p 134 CA).

[58] Di dalam kes Mahkamah Persekutuan *Seraman @ Jayaraman a/l A Adipan v Public Prosecutor* [2009] 3 MLJ 64; [2009] 5 CLJ 123 diputuskan bahawa 'dying declaration' yang dibuat atau ditulis oleh si mati dalam kapasiti minda yang jelas dan sedar perlu diterima. Mahkamah Persekutuan berkata:

> [54] This position in law has been reaffirmed by our Court of Appeal in the recent case of *Seraman @ Jayaraman a/l A Adipan v Public Prosecutor* [2009] 3 MLJ 64; [2009] 5 CLJ 123, where the deceased had made the 'statement' to several persons. The Court of Appeal endorsed the learned High Court judge's finding there in that case that *so long as it could be determined that the deceased has made it and that he had the 'capacity and clarity' of mind, it was absolutely safe to accept the oral or written statement of a deceased as to the cause of his death or to any circumstances of the transaction which resulted in his death.*

[59] Isu undang-undang kedua ialah mengenai penerimaan masuk keterangan saksi kanak-kanak ('SP22') di bawah s 133A Akta Keterangan 1950.

[60] Walaupun SP22 semasa memberi keterangan baru berumur tujuh tahun, keterangan beliau seharusnya diterima sebagai keterangan di mahkamah.

[61] Seksyen 133A Akta Keterangan 1950 memperuntukkan seperti berikut:

> *Where, in any proceedings against any person for any offence, any child of tender years called as a witness does not in the opinion of the court understand the nature of an oath, his evidence may be received, though not given upon oath, if, in the opinion of the court, he is possessed of sufficient intelligence to justify the reception of the evidence, and understands the duty of speaking the truth; and his evidence, though not given on aoth, but otherwise taken and reduced into writing in accordance with s 269 of the Criminal Procedure Code (Act 593) shall be deemed to be a deposition within the meaning of that section;*
>
> *Provided that, where evidence admitted by virtue of this section is given on behalf of the prosecution, the accused shall not be liable to be convicted of the offence unless that evidence is corroborated by some other material evidence in support thereof of implicating him.*

[62] Sebelum SP22 memberi keterangan, satu '*inquiri*' telah dijalankan dan mahkamah mendapati dan berpuas hati bahawa SP22 mempunyai keupayaan untuk mengetahui tanggungjawabnya untuk memberi keterangan yang benar, dan lain-lain kehendak di bawah s 33A tersebut.

Malahan mahkamah mendapati bahawa keterangannya adalah rasional, konsisten dengan keterangan saksi-saksi lain dan tidak goyah semasa disoal balas. Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, mahkamah memutuskan bahawa keterangan SP22 adalah selamat diterima dan keterangannya disokong oleh keterangan saksi-saksi pendakwaan yang lain yang kredibel dan juga fakta matrik kes ini sendiri. Mahkamah juga mendapati saksi-saksi pendakwaan yang lain adalah kredibel kerana keterangan-keterangan mereka saling menyokong sesama mereka. Tambah-tambah lagi pihak pembelaan juga tidak mempertikaikan keterangan-keterangan mereka.

Bagi kesalahan rogol (s 376(4) Kanun Keseksaan)

[63] Walaupun pihak pembelaan tidak mempertikaikan keterangan-keterangan mengenai kesalahan ini, namun sekali lagi pihak pendakwaan masih mempunyai tanggungjawab untuk membuktikannya.

[64] Mahkamah berpuas hati bahawa mangsa yang terlibat adalah si mati dan wujudnya 'penile penetration' di mana zakar tertuduh telah memasuki kemaluan si mati. Keterangan ini disahkan melalui keterangan DNA di mana disahkan sperma tertuduh berada di dalam kemaluan mangsa. Mahkamah juga berpendapat bahawa tindakan tertuduh merogol si mati secara agresif dan ganas telah menyumbang kepada dan mempercepatkan kematian si mati.

[65] Keterangan SP6 yang melakukan *post-mortem* terhadap mangsa mengesahkan:

> *Berdasarkan ujian analisis DNA dari (E28) catheter saluran kencing (Folley's catheter), saya berpendapat berlaku hubungan kelamin (seks) mangsa dengan seorang lelaki yang profil DNA sepadan dengan yang diperoleh daripada specimen darah E34. Hubungan ini berlaku secara agresif yang mana menyebabkan dinding faraj (vagina) mengalami luka lebam.*

Pihak pembelaan tidak menyangkal keterangan-keterangan ini.

[66] Di akhir kes pendakwaan, setelah membuat penilaian maksima dan berdasarkan kehendak undang-undang yang mahkamah telah merujuk sebelum ini, mahkamah berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh berkaitan kedua-dua pertuduhan. Justeru itu tertuduh dipanggil untuk membela diri ke atas kedua-dua pertuduhan.

KES PEMBELAAN

[67] Tertuduh telah memberi keterangan secara bersumpah. Secara keseluruhan, tertuduh tidak menyangkal kes pendakwaan terhadapnya, khususnya mengenai 'perbuatan-perbuatannya' (actus reus), tetapi menegaskan pembelaannya bahawa dia tidak mempunyai niat untuk membunuh si mati (mens rea). Menurut tertuduh beliau terlibas mangsa dengan parang sekali sahaja kerana terperanjat apabila menyedari mangsa terbangun dari tidur apabila melihatnya. Peguam tertuduh juga menghujahkan bahawa tertuduh tidak mempunyai niat untuk membunuh kerana ketika kejadian tertuduh mabuk. Menurut tertuduh lagi, sebelum kejadian tertuduh telah meminum dua botol minuman keras. Ke arah itu peguam tertuduh mengasaskan pembelaan tertuduh bahawa tertuduh tidak mempunyai niat untuk membunuh tetapi untuk merompak dan merogol sahaja. Mahkamah akan menilai pembelaan tertuduh secara terperinci yang mengasaskan bahawa tertuduh tidak mempunyai niat untuk membunuh si mati.

[68] Mahkamah telah menyatakan sebelum ini bahawa niat boleh dibuktikan melalui inferens, contohnya jenis senjata yang digunakan (*Tham*

Kai Yau & Ors v Public Prosecutor [1977] 1 MLJ 174) jenis kecederaan yang diakibatkan, (*Sainal Abidin bin Mading v Public Prosecutor* [1999] 4 MLJ 497, *Duis Akim & Ors v Public Prosecutor* [2014] 1 MLJ 49 dan *Public Prosecutor v Sanin bin Othman* [2011] 5 MLJ 716) dan dibahagian mana kecederaan tersebut dikenakan, sama ada di 'vital organs' atau sebaliknya. Motif pembunuhan juga boleh di'infer' sebagai mempunyai niat untuk membunuh.

[69] Di dalam pembelaannya tertuduh tidak menyangkal keterangan saksi-saksi pendakwaan khususnya Dr Wan Zamri, Pakar Perubatan Forensik ('SP6') yang membuat dua dapatan penting yang berkaitan dengan tindakan tertuduh melakukan kecederaan sehingga menyebabkan kematian mangsa dan juga tindakan tertuduh merogol mangsa seperti berikut:

(a) *fakta sebab/punca kematian mangsa* adalah:

> ... Luka Pendarahan Yang Banyak Yang Disebabkan Oleh Luka Kelar Pada Leher Oleh Objek Tajam (Severe Blood Loss Due To Incision Wound At The Neck Due To Sharp Object).

(b) *butiran kecederaan mangsa*:

> – ... Saya dapati bahawa mangsa mengalami beberapa kecederaan di bahagian leher, jari dan telapak tangan kiri serta kedua lutut. Berdasarkan kecederaan pada leher mangsa, saya berpendapat mangsa telah terkena benda yang tajam dan nipis, dengan arah pergerakan benda tersebut dari sebelah kiri ke kanan berdasarkan hujung luka di sebelah kiri lebih dalam berbanding hujung luka di sebelah kanan. Kecederaan ini menyebabkan kecederaan pada saluran vena jugular kiri (left internal jugular vein) sehingga putus dan menyebabkan bekalan oksigen ke otak berkurangan dan seterusnya menyebabkan kematian.
>
> – Luka-luka di jari-jari tangan kiri mangsa menunjukkan mangsa cuba menahan bahagian tajam senjata yang digunakan semasa menyerang beliau.
>
> – Pemeriksaan pada kemaluan mangsa terdapat kesan-kesan koyakan lama dan kecederaan pada dinding kemaluan mangsa.
>
> – Berdasarkan ujian analisis DNA dari (E28) catheter saluran kencing (Folley's catheter), saya berpendapat berlaku hubungan kelamin (seks) mangsa dengan seorang lelaki yang profil DNA sepadan dengan yang diperoleh daripada specimen darah E34. Hubungan ini berlaku secara agresif yang mana menyebabkan dinding faraj (vagina) mengalami luka lebam.

[70] Dari keterangan-keterangan di atas, mahkamah menyimpulkan bahawa tertuduh telah melakukan kecederaan-kecederaan tersebut secara sengaja dengan niat untuk membunuh. Kecederaan yang dilakukan adalah 'deliberate' dan disasarkan terhadap leher yang mempunyai urat dan nadi yang membawa darah dan oksigen ke otak. Adalah jelas kecederaan yang sengaja dilakukan ini adalah disasarkan ke 'vital organ' si mati iaitu leher di bahagian

urat dan nadi, sekaligus menunjukkan bahawa di dalam keadaan biasa kecederaan serius ini akan menyebabkan kematian sebagaimana diterangkan oleh SP6. Ini dengan sendiri memenuhi kehendak s 300(c) Kanun Keseksaan. Malahan s 300(a) dan (b) Kanun Keseksaan juga terpakai.

[71] Tertuduh juga tidak menyangkal ekshibit-ekshibit yang dikemukakan oleh pendakwaan khususnya eksh parang (P41B (1)) yang merupakan barang kes yang dirampas di tempat kejadian oleh SP10 sebagai senjata yang mencederakan si mati dan sebuah telefon bimbit jenama Samsung Galaxy Note berwarna Putih (P56C(1)) milik mangsa yang dijumpai di 'Restoran Selatan/GM Sakura', iaitu restoran di mana tertuduh telah memabukkan dirinya selepas kejadian.

[72] Tertuduh telah mengakui mengambil parang tersebut yang berada di sinki di rumah tersebut. Tertuduh mengaku sebelum datang ke rumah si mati, tertuduh telah membawa kayu. Namun setelah memasuki rumah si mati, tertuduh mengambil parang tersebut pula. Mahkamah mendapati tidak ada keperluan untuk menggunakan parang tersebut jika tujuannya adalah untuk merompak ataupun merogol.

[73] Tertuduh menyatakan dia melibas parang ke atas mangsa/si mati akibat daripada terperanjat apabila si mati terjaga dan telah mengenai leher si mati. Di dalam erti kata lain, tertuduh tidak mempunyai niat untuk membunuh. Mahkamah mendapati pembelaan ini tidak boleh diterima dan tidak masuk akal.

[74] Ini adalah kerana dari keterangan SP22, mahkamah berpendapat tindakan ini adalah disengajakan (*deliberate*) dan memang disasarkan terhadap leher. Sebab itu SP22 menyatakan bahawa ibunya di'sembelih'. SP22 berkata 'dia ambil golok dan kerat tengkok ibu'. Tambah-tambah lagi, jika benar tertuduh terperanjat dan akibat daripada 'reflect action'nya, terlibas si mati kenapa tertuduh telah mensasarkan organ penting iaitu 'leher' khusunya di bahagian urat dan nadi.

[75] Seperkara lagi jika benar tertuduh terlibas kenapa ia meninggalkan dua kecederaan kelaran. Tambah-tambah lagi terdapat 'defensive wound' di tangan mangsa yang menunjukkan tertuduh bukan saja mengelar di leher tetapi membuat serangan terhadap anggota lain si mati di dalam usaha si mati menahan serangan tertuduh.

[76] Adalah tidak dipertikaikan bahawa tertuduh telah merompak dan merogol si mati. Tertuduh mengaku telah mengambil RM200 dari dalam dompet si mati dan sebuah telefon bimbit jenama Samsung Galaxy Note berwarna putih (eksh P56C(1)) yang tertuduh tertinggal di Restoran Selatan.

Tertuduh menyatakan semasa merogol si mati, si mati masih boleh bergerak tetapi tidak boleh bercakap. Ini adalah konsistent dengan luka kelar dileher si mati yang dilakukan oleh tertuduh.

[77] Tertuduh telah memberi pembelaan bahawa tertuduh mabuk ketika kejadian untuk membuktikan tertuduh tidak sedar, justeru tidak mempunyai niat untuk membunuh si mati. Menurut tertuduh pada hari kejadian tertuduh memasuki Kg Batu Papan pada jam 10 malam untuk membaiki lampu motosikal dan keluar. Tertuduh masuk semula ke Kg Batu Papan pada jam 12 malam dengan menaiki motosikal untuk pecah rumah dan telah menceroboh masuk ke rumah mangsa. Sebelum itu, tertuduh telah meminum dua botol arak jenama Laici.

[78] Namun, tertuduh mengakui tidak mabuk selepas minum dua botol arak jenama Laici tersebut sebelum ke tempat kejadian apabila disoal balas oleh TPR kerana tertuduh adalah peminum berpengalaman. Semasa pemeriksaan semula tertuduh tetap menyatakan beliau sedar dan dapat membawa motosikal dengan baik walaupun setelah minum dua botol arak jenama tersebut.

[79] Pihak pembelaan tidak memanggil pakar untuk mengesahkan tertuduh mabuk sebelum dan ketika kejadian. Walaupun beban untuk membuktikan pembelaan mengenai mabuk (*intoxication*) adalah di atas bahu tertuduh. Menurut kes *Francis a/l Anthonysamy v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 49 (MR), untuk menguji sama ada tertuduh mabuk atau tidak bagi maksud menentukan '*state of mind*'nya, jika pakar tidak dipanggil mahkamah boleh melihat 'conduct' tertuduh sebelum, semasa dan selepas kejadian.

[80] Setelah mengambil pendekatan sebegitu, mahkamah memutuskan bahawa tertuduh tidak mabuk tetapi sedar sepenuhnya sebelum kejadian memandangkan fakta ini diakui tertuduh. Selain daripada itu SP5 ketika terserempak dengan tertuduh sebelum kejadian juga menyatakan tertuduh tidak di dalam keadaan mabuk. Tuan punya Restoran 'GM Sakura' iaitu mendiang How Kok San, di dalam pernyataan saksinya mengesahkan tertuduh kelihatan tidak mabuk sebelum datang ke restoran untuk meminum tujuh botol bir (dari keterangan, masa ini adalah selepas kejadian).

[81] Mahkamah juga berpendapat jikapun benar tertuduh meminum dua botol arak tersebut sebelum kejadian, mahkamah sendiri yakin bahawa ini tidak memabukkan tertuduh. Ini adalah kerana tertuduh mengakui tertuduh adalah peminum tegar dan berpengalaman memandangkan tertuduh telah mula meminum arak sejak di bangku sekolah lagi ketika berumur 15 tahun. Tambah-tambah lagi cadangan pendakwaan bahawa tertuduh dapat menunggang motosikal dengan baik ketika pergi ke rumah si mati adalah

diakui tertuduh — (lihat kes *Francis Anthonysamy*). Justeru itu pembelaan tertuduh bahawa tertuduh mabuk dan tidak sedar apa yang dilakukannya pada kejadian terhadap mangsa dan tidak mempunyai niat untuk membunuh mangsa adalah dengan ini ditolak.

[82] Tertuduh juga *TIDAK MENAFIKAN* 'Abe Mat Tanah Putih' adalah gelaran kepada Ahmad bin Hamid ('SP16') iaitu bapa tertuduh semasa disoal balas oleh pihak pendakwaan. Keterangan ini bertepatan dengan 'dying declaration' si mati — P54 dan selari dengan keterangan SP5. Mahkamah berpuas hati bahawa tertuduhlah yang dimaksudkan oleh si mati dalam P54 yang dikatakan anak 'Abe Mat Tanah Putih' tersebut (semasa disoal balas tertuduh juga mengakui bahawa parang adalah satu senjata yang tajam dan merbahaya yang boleh mendatangkan kecederaan dan kematian terhadap seseorang apabila digunakan).

[83] Sekarang mahkamah akan mengulas mengenai kredibiliti tertuduh. Mahkamah mendapati bahawa tertuduh adalah saksi yang tidak bercakap benar. Contohnya tertuduh akui melihat darah si mati merecik dan terkena seluar yang dipakainya tetapi dalam keterangan awalnya tertuduh menyatakan melibas si mati di leher namun kemudian menyatakan tidak tahu bahagian mana yang terkena. Adalah jelas tertuduh berbohong dalam hal ini. Mahkamah juga mendapati bahawa adalah tidak logik jika tindakan melibas itu adalah akibat daripada 'reflex action' tertuduh kerana terperanjat. Dari keterangan-keterangan yang ada, mahkamah mendapati tindakan melibas itu adalah satu tindakan yang 'deliberate' oleh tertuduh. Dengan ertikata yang lain, sebenarnya tertuduh mengelar mangsa konsisten dengan keterangan SP22 yang menyatakan 'orang jahat itu menyembelih ibu'.

[84] Semasa disoal balas pihak pendakwaan, tertuduh menyatakan tertuduh nampak dengan jelas si mati sedang tidur bersama dengan anak-anaknya seramai tiga orang kerana lampu di bahagian luar terpasang. Tertuduh juga nampak darah merecik selepas dilibas dengan parang. Adalah mustahil tertuduh tidak tahu di mana kecederaan yang dialami oleh si mati ketika itu. Apatah lagi tertuduh mengakui merogol si mati selepas tertuduh melibas si mati dengan parang. Semasa disoal balas tertuduh akui merapatkan badannya ke badan si mati semasa merogol mangsa. Di dalam keadaan sedemikian, mahkamah berpendapat sudah pasti tertuduh nampak di manakah darah membuak keluar dan sudah pasti ada bau darah.

[85] Mahkamah mendapati bahawa 'conduct/demeanour' tertuduh menunjukkan tertuduh berbohong dan keterangan pembelaannya tidak tahu di mana luka libasan hanyalah untuk menunjukkan bahawa beliau tidak ada niat untuk membunuh dan menafikan telah mengelar di bahagian 'vital part' si mati. Jelas tertuduh cuba mengelak dari dakwaan menyebabkan kecederaan di

bahagian penting anggota badan si mati yang boleh menyebabkan kematian.

[86] Tertuduh juga mendakwa hanya melibas si mati sekali sahaja dan apabila pihak pendakwaan merujuk tertuduh kepada gambar kecederaan pada leher si mati (P22 F28) tertuduh hanya terdiam dan menyatakan tidak tahu. Jelas tertuduh berbohong dan menafikan fakta bahawa tertuduh telah melibas si mati sebanyak dua kali dan jelas kelaran kali kedua menunjukkan niat tertuduh untuk mendatangkan kecederaan yang boleh membawa dan menyebabkan kematian si mati. Ini adalah satu lagi tindakan (*conduct*) dan *demeanour* tertuduh yang tidak memihak kepadanya.

KESIMPULAN

[87] Di akhir kes pembelaan, setelah membuat penilaian maksima dan dibandingkan kes pendakwaan dengan kes pembelaan, dan dilihat dari segi keprobabelan kes (*probability of the case*), mahkamah mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah bagi kedua-dua pertuduhan terhadapnya. Tertuduh pula telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan bagi kedua-dua pertuduhan. Tertuduh dengan itu didapati bersalah dan disabitkan dan dihukum dengan hukuman gantung sampai mati bagi pertuduhan pertama dan penjara 18 tahun dan 12 sebatan bagi pertuduhan kedua.

Tertuduh disabitkan dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati untuk kesalahan pertama dan penjara 18 tahun untuk kesalahan kedua.

Dilaporkan oleh Mohd Kamarul Anwar